# Utusan Malaysia - Cukai Baharu Diperkenal

Rabu, Okt 10 2018




DR. MAHATHIR MOHAMAD (tengah) bersama ketua-ketua institusi kewangan dalam Forum Malaysia di Era Baharu anjuran RHB, Maybank dan CIMB, di Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA

# Cukai baharu diperkenal

UM 10/10/18

Oleh AZRUL HAKIMIE ANUER
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 9 OKT.

PELAKSANAAN sistem cukai jualan dan perkhidmatan (SST) pada 1 September lalu bagi menggantikan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) dilihat belum berjaya memperkukuhkan kedudukan kewangan kerajaan.

Berikutan itu, kerajaan berhasrat memperkenalkan cukai baharu bagi menjana pendapatan tambahan kepada negara.

Menurut Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, format cukai tersebut adalah berbeza daripada SST.

Bagaimanapun tidak menjelaskan secara terperinci tentang cukai itu dan bila akan dilaksanakan.

"Ini adalah satu cara kerajaan mendapatkan wang, tetapi kita belum membuat sebarang keputusan.

"Ia cukai yang berbeza daripada SST tetapi akan mengurangkan beban rakyat. Dari situ kita akan tahu apakah bentuk cukai yang akan kita laksanakan kelak," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucaptama Forum Malaysia di Era Baharu anjuran RHB, Maybank dan CIMB, di sini, hari ini.

Yang turut hadir Menteri Kewangan, Lim Guan Eng dan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Nor Shamsiah Mohd. Yunus.

Sementara itu, Dr. Mahathir memberitahu, kerajaan juga sedang mempertimbangkan cadangan menjual atau melepaskan beberapa aset negara termasuk tanah bagi mengurangkan beban hutang yang ditinggalkan oleh kerajaan terdahulu.

"Kami sedang mempertimbangkannya (jual aset), itu adalah jalan untuk mendapatkan wang bagi membayar hutang," katanya.



## Perkhidmatan MOF

- **Perkhidmatan Atas Talian**
- **Aplikasi Mudah Alih**
- **Laman Mikro**
- **e-Penyertaan & Maklumbalas**
- **Statistik & Prestasi**
- **Pautan**
- **Agensi**

## Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

03-8000 8000
03-88823893 / 03-88823894
pro[at]treasury[dot]gov[dot]my



**© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**
Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.
Kemaskini terakhir: 14 Januari 2020 | Jumlah Pelawat: 27637216